

Inovasi penyelidik NUS raih Hadiah Kajian Iklim Sedunia pertama guna air banjir atasi kemarau

Seorang penyelidik daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) menjadi pemenang pertama Hadiah Penyelidikan Iklim Sedunia menerusi kajian inovatifnya yang menggunakan air banjir untuk mengurangkan kekurangan air semasa kemarau.

Penolong Profesor di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar NUS, Dr He Xiaogang, memenangi anugerah itu pada 10 Jun dengan menewaskan tiga finalis daripada Universiti Stanford, Universiti California, Berkeley dan Universiti Toronto.

Anugerah dwitahunan taja-

an Clare Hall College di Universiti Cambridge, di England, serta Universiti LUT di Finland, itu mengiktiraf penyelidikan kritikal yang mendepani cabaran iklim seperti banjir, kemarau, dan penyebaran penyakit.

Analisis mendalam Dr He melibatkan data sejagat selama 67 tahun, mendedahkan corak membimbangkan di mana banjir dan kemarau sering berlaku berturutan, sekali gus mengancam jaminan bekalan makanan dan air dunia.

Beliau membangunkan rangka kerja untuk meningkatkan ramalan dan pengurusan

risiko air, serta meneroka penggunaan air banjir yang disimpan semasa musim kemarau bagi mengukuhkan bekalan air bawah tanah dan daya tahan terhadap kemarau.

“Beliau telah membangunkan rangka kerja yang meningkatkan daya tahan kemarau dan kemampunan air bawah tanah, yang dilaksanakan dari California hingga Asia Tenggara,” kata Clare Hall dan Universiti LUT dalam kenyataan bersama pada 11 Jun.

Geran berjumlah 200,000 Euro (\$297,000) itu akan disalurkan kepada NUS bagi meneruskan penyelidikan berke-

naan.

Pembiayaan tersebut datang daripada Bandar Lappeenranta dan Marjatta ja Eino Kollin Saatio, sebuah yayasan Finland yang mendukung penyelidikan saintifik dan gunaan.

Dr He mengakui beliau tidak menyangka mendapat kemenangan itu, apatah lagi bersaing dengan tokoh besar seperti pemenang Hadiah Nobel, Profesor Omar Yaghi daripada Universiti California, Berkeley.

Beliau berhasrat memanfaatkan dana tersebut untuk membangunkan penyelesaian strategik yang memperkukuh daya ketahanan air, makanan,



Penolong Profesor Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr He Xiaogang, menjadi pemenang pertama Hadiah Kajian Iklim Sedunia menerusi hasil kerja inovatif beliau. – Foto LINKEDIN NUS SUSTAINABILITY

dan tenaga di rantau ini.

Selain itu, tumpuan beliau adalah melatih pelapis saintis iklim tempatan dan memperluas kerjasama penyelidikan rentas sempadan serta disiplin sains, demi mengangkat NUS sebagai pusat sains iklim tropika bertaraf dunia.